

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan serta aktiviti kementerian/jabatan/agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapat perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Objektif pengauditan penyata kewangan adalah untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun 2019 menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2019 mengandungi perkara seperti berikut:

- Bahagian 1 : Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019
- Bahagian 2 : Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2019

3. Pengauditan penyata kewangan bagi tahun 2019 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). Antara perkara yang ditetapkan dalam Garis Panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit; penilaian risiko dan pengumpulan bukti audit; komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus; persampelan dan pelaporan. Ini bagi memastikan pengauditan dilaksanakan selaras dengan piawaian perakaunan dan pengauditan bagi menghasilkan laporan yang berkualiti.

4. Pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah mengisytiharkan wabak Covid-19 sebagai pandemik. Di Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020 sebagai langkah pembendungan yang memberi kesan ketara kepada aktiviti perniagaan dan kegiatan ekonomi. Pandemik Covid-19 memberi kesan signifikan terhadap operasi Agensi Persekutuan. Pembatasan aktiviti dan pergerakan serta keperluan penjarakan fizikal dan kemudahan Bekerja Dari Rumah antara lain menyumbang kepada kelewatan penyerahan penyata kewangan tahun 2019. Kelewatan penyerahan penyata kewangan akibat pandemik ini turut memberi kesan terhadap proses pengauditan selaras dengan pendekatan norma baharu.

5. Jabatan Audit Negara perlu menjalankan pengauditan penyata kewangan terhadap 148 Agensi Persekutuan bagi tahun kewangan 2019. Setakat 30 September 2020, sebanyak 69 penyata kewangan Agensi Persekutuan tahun 2019 telah siap diaudit. Daripada jumlah ini, sebanyak 51 penyata kewangan diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran manakala sebanyak 11 penyata kewangan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* (EOM). Daripada 51 penyata kewangan yang diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran itu, sebanyak empat (4) Sijil mempunyai perenggan Hal-hal Lain (*Other Matter*) manakala satu (1) mempunyai perenggan Perkara Utama Audit (*Key Audit Matters* – KAM). Selain itu, sebanyak tujuh (7) penyata kewangan diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Berteguran. Sebanyak 77 penyata kewangan lagi masih dalam proses pengauditan manakala dua (2) penyata kewangan belum diterima.

6. Pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap 16 Agensi Persekutuan melibatkan 16 tajuk seperti berikut:

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	AGENSI PERSEKUTUAN	KEMENTERIAN/JABATAN
1.	Insentif Benih Padi Sah	Lembaga Pertubuhan Peladang	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan
2.	Bayaran Dan Terimaan Hasil Perkongsian Pintar (<i>Smart Partnership</i>)	Perbadanan Stadium Malaysia	Kementerian Belia Dan Sukan
3.	Bayaran Projek Pembangunan Lima Fasiliti di Sungai Buloh	Lembaga Getah Malaysia	Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi
4.	Pembelian Bangunan Pejabat	Perbadanan Harta Intelek Malaysia	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna
5.	Dana Program Pinjaman <i>Aviation</i> Dan Program Pembiayaan	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran	Kementerian Sumber Manusia
6.	Bayaran Kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	Perbadanan Harta Intelek Malaysia	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna
7.	Penggunaan Dana Kerajaan	Akademi Sains Malaysia	Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi
8.	Projek Pembangunan Pangsapuri Taman LTAT Dan Residensi Bukit Jalil	-Perbadanan Perwira Harta Malaysia -Lembaga Tabung Angkatan Tentera	Kementerian Pertahanan
9.	Tuntutan Faedah Atas Kelewatan Bayaran Projek Perumahan PR1MA	Perbadanan PR1MA Malaysia	Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
10.	Perolehan Tender Dan Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Percetakan, Pengangkutan Dan Pengedaran Buku Teks	Dewan Bahasa Dan Pustaka	Kementerian Pendidikan Malaysia
11.	Projek Menaik Taraf Bangunan Wisma Kumpulan Wang Simpanan Guru	Yayasan Guru Tun Hussein Onn	Kementerian Pendidikan Malaysia
12.	Bayaran Perkhidmatan Dan Penyenggaraan Trafik Udara Serta Peralatan Operasi Mencari Dan Menyelamat	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia	Kementerian Pengangkutan Malaysia
13.	Perolehan Tanah Lot 41	Bank Negara Malaysia	Kementerian Kewangan

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	AGENSI PERSEKUTUAN	KEMENTERIAN/JABATAN
14.	Perbelanjaan Menggunakan Agihan Wang Zakat	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	Jabatan Perdana Menteri
15.	Pengurusan Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari	Lembaga Tabung Haji	Jabatan Perdana Menteri
16.	Projek Pembinaan Terbangkalai	Universiti Teknologi MARA	Kementerian Pengajian Tinggi

7. Laporan ini mengambil kira maklum balas auditi berkaitan isu pematuhan yang dibangkitkan. Jabatan Audit Negara memberi penekanan terhadap ketidakpatuhan isu yang dibangkitkan sebagai pernyataan Audit. Bagi pengauditan pematuhan pada tahun ini, sebanyak 48 syor Audit telah dicadangkan.

8. Pihak Agensi Persekutuan dan kementerian/jabatan hendaklah memastikan pematuhan terhadap akta, pekeliling, peraturan kewangan serta kontrak yang berkuat kuasa. Agensi pusat hendaklah memantau dan mengawal selia semua Agensi Persekutuan untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

9. Saya merakamkan penghargaan kepada semua pegawai Agensi Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih dan memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
23 November 2020